

Jadilah ahli perniagaan yang bersih

■ HANOI 27 OGOS

PERDANA Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad mahu rakyat Malaysia yang menjalankan perniagaan di serata dunia supaya 'bersih' dan menjadi ahli perniagaan dan pelabur yang dihormati.

Beliau berkata, ahli perniagaan Malaysia kini maju dan dihormati di serata dunia.

"Kita harus kekalkan itu (ahli perniagaan yang dihormati) dengan menjalankan perniagaan secara betul.

"Kita tahu salah satu masalah yang kita hadapi ketika melakukan perniagaan di negara asing ialah rasuah. Godaan untuk merasuah adalah kuat, tetapi tolong hindari itu.

"Rakyat Malaysia hendaklah menjadi ahli perniagaan yang bersih dan ia bukan bergantung kepada rasuah tetapi dengan menyediakan perkhidmatan yang bagus, berkelakuan baik dan mesra," katanya ketika sesi dialog dengan ahli perniagaan

Malaysia dan pelabur yang melibatkan 27 buah syarikat yang beroperasi di Vietnam.

Dr. Mahathir juga menggesa ahli perniagaan Malaysia dan pelabur yang beroperasi di negara asing supaya menyumbang terhadap ekonomi negara.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, negara jiran yang kaya dan makmur akan menjadi rakan perniagaan yang baik kepada Malaysia.

Oleh itu beliau menyeru ahli perniagaan Malaysia dan pelabur supaya memahami cara negara berkenaan menjalankan segala sesuatu, peraturan serta undang-undangnya agar berpeluang mengembangkan perniagaan.

Dr. Mahathir berada di Hanoi untuk lawatan rasmi tiga hari ke negara itu atas undangan Perdana Menteri Vietnam, Nguyen Xuan Phuc.

Turut hadir, Menteri Luar Saifuddin Abdullah dan Duta Malaysia ke Vietnam, Shariffah Norhana Syed Mustafa. - BERNAMA



DR. MAHATHIR MOHAMAD dilirangi Nguyen Xuan Phuc disambut oleh kumpulan kanak-kanak yang mengibarkan bendera Malaysia dan Vietnam dalam acara sambutan rasmi sempena lawatan rasmi Perdana Menteri ke Vietnam di Istana Presiden di Hanoi, semalam. - BERNAMA